

Bahan1

AZIZI: Betul tu, Zam. Melihat akan kesungguhan Zam dan kawan-kawan Zam siang tadi, abang sering terlupa yang Zam dan kawan-kawan Zam ni cacat penglihatan. Abang nak buat kamu macam orang normal. Maaflah.

MUZAMIR: Kami baru sehari mengenal kayak. Pada pendapat abang, bolehkah kami berkayak merentasi Tasik Permai mulai esok? Cukup ke bekalan pengetahuan dan pengalaman yang baru sehari kami miliki ni?

AZIZI: Kalau Zam dan kawan-kawan Zam mengekalkan prestasi seperti siang tadi serta sentiasa mengikut arahan abang dan Zafar, insya-Allah, Tasik Permai akan dapat Zam dan kawan-kawan takluki.

Dipetik daripada drama 'Tenang-tenang Air di Tasik',
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

SKIM BANTUAN GALAKAN PERNIAGAAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Objektif:

Membantu Orang Kurang Upaya (OKU) menjana pendapatan dalam bidang perniagaan

Jenis Bantuan:

- Bantuan peralatan dan mesin
- Bantuan ubah suai premis
- Bantuan mengadakan promosi

Syarat Kelayakan:

1. OKU berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
2. Berumur 18 tahun dan ke atas.
3. Warganegara Malaysia.
4. Mempunyai perniagaan dan bercadang untuk mengembangkan perniagaan.
5. Perniagaan telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

- (a) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan keistimewaan yang diberikan kepada golongan orang kurang upaya.

- (b) Berdasarkan Bahan 1, nyatakan **dua** persoalan yang digambarkan dalam bahan tersebut.

- (c) Orang Kurang Upaya (OKU) mempunyai peluang yang cerah untuk berjaya sekiranya mereka bersungguh-sungguh dalam melaksanakan sesuatu perkara.

Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk memberikan semangat kepada OKU untuk berjaya dalam bidang yang diminati mereka? **KBAT** Mengaplikasi **HEBAT MODUL 4**

3. Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 3.

- (i) *Chot* karya Azizi Bin Haji Abdullah
- (ii) *Hempasan Ombak* karya Zailiani Taslim
- (iii) *Justeru Impian di Jaring* karya Zaid Akhtar
- (iv) *Tawanan Komander Caucasus* karya Ruzaini Yahya

Sudut Sastera

- Latar masyarakat ialah gambaran kehidupan masyarakat dalam sesebuah karya.

Dalam sesebuah novel, terdapat pelbagai latar masyarakat yang menjadikan jalan cerita lebih menarik.

Berdasarkan sebuah novel di atas, nyatakan **tiga** latar masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut berserta dengan contoh peristiwa yang sesuai.

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **keistimewaan Bangunan Sultan Abdul Samad**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bangunan Sultan Abdul Samad terletak di hadapan Dataran Merdeka. Di hadapan bangunan ini, beberapa peristiwa sejarah telah berlaku. Di sinilah bendera Union Jack diturunkan pada 31 Ogos 1957 dan bendera Jalur Gemilang dikibarkan. Peristiwa ini menunjukkan berlalulah satu era penjajahan kepada era masyarakat yang merdeka.

Pada peringkat awal, nama bangunan ini hanya dikenali sebagai Pejabat Baru Kerajaan (*New Government Offices*). Apabila Persekutuan Tanah Melayu dibentuk pada tahun 1948, bangunan ini dinamakan Sekretariat Persekutuan (*Federal Secretariat*). Pada tahun 1974, semua pejabat Kerajaan Negeri Selangor dipindahkan ke Shah Alam. Pejabat kerajaan persekutuan Malaysia dipindahkan ke Jalan Duta, Damansara. Oleh itu, nama bangunan ini ditukar kepada Bangunan Sultan Abdul Samad sempena nama Sultan Selangor yang memerintah pada ketika itu.

Bangunan ini merupakan antara bangunan lama yang masih dilindungi keaslian reka bentuknya. Bangunan ini dibina pada tahun 1893, tetapi perletakan batu asas bagi bangunan ini hanya dibuat pada 6 Oktober 1894 oleh Sir Charles B.H. Mitchell yang merupakan Gabenor Negeri-negeri Selat ketika itu.

Bangunan Sultan Abdul Samad ini mempunyai dua tingkat setinggi 57 kaki yang berbentuk ladang dan di tengah-tengahnya terdapat satu dataran tinggi segi empat yang dipagari oleh batas-batas pokok bunga yang cantik. Terdapat juga tiga kubah, satu menara jam besar dan sebuah arked. Bangunan ini juga mempunyai satu serambi besar tertutup yang merupakan suatu elemen penting dalam reka bentuk bangunan ini. Bangunan Sultan Abdul Samad yang berbentuk 'saracenic' merupakan satu ciri seni bina Moorish dan Moghul yang berunsurkan Islam.

Dipetik dan diubahsuaikan daripada
https://ms.wikipedia.org/wiki/Bangunan_Sultan_Abdul_Samad